

TARIKH: 10/8/23  
SURAT KHABAR: Harian Metro  
MUKA SURAT: 21

**Kuala Lumpur:** Gaji permulaan RM2,000 hingga RM2,500 bagi graduan dianggap sebagai bersesuaian dengan taraf pendidikan tinggi serta kos sara hidup ketika ini.

Bagi graduan Universiti Malaya (UM), Lim San Shien, 22, gaji permulaan sesuai sepatutnya berdasarkan kelayakan malah lebih baik, jika graduan berkaitan memiliki pengalaman bekerja.

"Saya cadangkan gaji asas membabitkan graduan ialah RM2,500 dan maksimum ialah RM5,000. Ia perlulah berdasarkan kelayakan dan pengalaman."

"Pada saya, gaji asas graduan mesti melebihi gaji minimum kerana graduan adalah pekerja berpendidikan dan berkemahiran tinggi," katanya.

Menurut San Shien, graduan berhak diberikan gaji asas berkenaan malah ber-

## 'Gaji asas graduan RM2,500 adalah jumlah yang sesuai'

pendapat, kerajaan juga perlu memperkenalkan seksyen dan bahagian khas dalam Akta Kerja 1955 supaya setiap majikan dapat mematuhiinya.

"Antara hak graduan yang perlu dipertahankan adalah seperti gaji bermaruah, cuti tahunan, elaun kerja dan peluang kenaikan jawatan yang adil.

"Majikan perlu berikan insentif kepada graduan seperti elaun kerja lebih masa, elaun pengangkutan dan sebagainya kerana graduan juga menyumbang kepada produktiviti sesebuah organisasi.

"Insentif ini dapat memberi dorongan dan motivasi selain menunjukkan keprihatinan juga kesaksamaan layanan majikan terhadap



**Graduan pastinya akan lebih bersemangat dalam melaksanakan pekerjaan selain lebih produktif kerana merasakan gaji yang diterima setimpal"**

**Nur Syaquirin**



graduan," katanya.

Penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Nur Syaquirin Ruhaizam, 26, berpendapat, gaji asas RM2,000 buat graduan adalah jumlah yang sesuai.

Ia juga, katanya, mampu

memenuhi keperluan graduan bujang yang bekerja di bandar besar.

"Graduan pastinya akan lebih bersemangat dalam melaksanakan pekerjaan selain lebih produktif kerana merasakan gaji yang

diterima adalah setimpal.

"Gaji asas ini juga sesuai dengan keperluan ekonomi semasa," katanya.

Bagi pereka grafik, Siti Hajar Osman, 24, dia turut mencadangkan gaji asas RM2,000 buat graduan masa kini.

"Saya juga mencadangkan supaya majikan menyediakan insentif kepada pekerja seperti elaun pengangkutan, makanan dan perubatan dengan lebih serius. Hal ini kerana, ada majikan yang tidak mengambil berat berkenaan perkara itu.

"Sebagai graduan, saya sentiasa bersedia dalam pelbagai kemahiran asas, terutamanya dalam pemasaran digital. Perkara ini adalah jaminan untuk memperoleh gaji setimpal daripada majikan," katanya yang juga graduan daripada Universiti Teknologi Mara (UITM).

Sementara itu, pencipta

kandungan, Ridwan Nasharuddin, 24, memohon supaya kerajaan dan majikan memandang serius soal kadar penetapan gaji asas.

"Majikan perlu menjadikan dasar yang dikeluarkan oleh kerajaan sebagai penanda aras untuk memberi gaji kepada setiap pekerja, khasnya graduan, dengan berlandaskan kelulusan yang dimiliki.

"Selain daripada gaji, majikan juga boleh memperkenalkan manfaat lain seperti mengadakan hari pekerja bagi merapatkan ukhuwah sesama kakitangan, memberi cuti tambahan atau lain-lain bagi menghargai mereka," katanya.

Tambahnya, isu berkaitan elaun latihan praktikal dan gangguan seksual di tempat kerja juga antara cabaran kepada graduan yang akhirnya boleh meningkatkan risiko kadar pengangguran.